

Keterlibatan Belia Dalam “Meremajakan” Sektor Pertanian di Malaysia  
(*Youth Involvement in “Rejuvenating” the Agricultural Sector in Malaysia*)

NORSHAMLIZA CHAMHURI\*, MUHAMMAD SHAHIDAN WAHAB, NURIFFAH AQILAH  
MOHD SOFI, HALIMA TUS SAKDIYA MAHRUS, SITI NURAZIRA JUNAIDI, NUR NASHUHA  
IRDINA SALIM, SYIKIN SYAFRI & NUR IZZAH BINTI MOHD

ABSTRAK

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor di Malaysia yang memberi sumbangan yang besar terhadap perdatapan dan pertumbuhan ekonomi negara. Namun, seiring dengan Malaysia yang semakin menuju ke arah negara berstatus maju, minat golongan belia terhadap sektor pertanian semakin pudar dan seterusnya menyebabkan penglibatan belia dalam sektor pertanian semakin berkurangan. Maka dengan ini, satu kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia terhadap sektor pertanian di Malaysia. Kajian juga akan mencadangkan beberapa strategi bagi memupuk minat belia terhadap sektor pertanian. Seramai 150 orang belia telah menjawab soal selidik yang telah dibangunkan. Hasil kajian mendapati faktor utama yang mempengaruhi belia bagi melibatkan diri dalam sektor pertanian adalah monetari insentif. Dari segi strategi, belia memilih kempen melalui media sosial sebagai langkah yang paling efektif bagi memupuk minat belia dalam sektor pertanian. Implikasi kajian mencadangkan pihak berkepentingan perlu memberi pendedahan awal dan pengetahuan tentang kelebihan bekerja dalam sektor ini kepada belia. Hal ini agar belia lebih cakna dan dapat menanam minat untuk turut serta dalam membangunkan sektor pertanian di Malaysia.

Kata kunci: belia, penglibatan, sektor pertanian, kerjaya, minat

ABSTRACT

*Malaysia's agriculture sector is one of the most important contributors to the country's GDP and economic growth. However, as Malaysia progresses toward becoming a developed nation, youth interest in the agricultural industry is waning, resulting in a drop in youth involvement in the agricultural sector. As a result, a study was done to determine the factors that may influence the predisposition of Malaysian youth to work in the agricultural industry. The study will also recommend strategies for fostering youth interest in agriculture. A total of 150 youths responded to the questionnaire that was developed. The results of the study found that monetary incentives are the most important element influencing youth's decision to work in the agriculture sector. In terms of strategy, respondents identified social media campaign as the most successful method for cultivating youth interest in agriculture. The implications of this study suggest that stakeholders should provide youth with early exposure and knowledge in understanding the benefits of working in this sector. This is so that Malaysian's youth can be more vigilant and can foster an interest in contributing to the development of agricultural sector in Malaysia.*

*Keyword: youth, involvement, agricultural sector, career, interest*

## PENGENALAN

Di era 1970-an, ekonomi Malaysia sangat bergantung kepada sektor pertanian. Ini dapat dilihat daripada peratusan sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu sebanyak 30.8% (Jadual 1). Sektor pertanian mampu menyediakan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada para petani yang bergiat dalam sektor ini. Namun, sektor pertanian

sering dikaitkan dengan masalah kemiskinan kerana melibatkan upah yang rendah serta harga komoditi pertanian yang tidak stabil di pasaran dunia. Melihat keadaan yang tidak menentu ini, kerajaan Malaysia telah menggerakkan sektor perindustrian dan perkhidmatan sebagai sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi negara. Akibatnya, sektor pertanian di Malaysia telah mengalami trend penguncupan dari tahun 1980-an sehingga kini (Jadual 1).

JADUAL 1. Sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negar Kasar, Malaysia (%)

	1970	1980	1990	2000	2010	2020
Sumbangan kepada KDNK (%)	30.8	22.9	18.7	8.7	8.2	7.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Namun, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2020, sektor pertanian telah muncul sebagai sektor kedua terpenting kepada ekonomi negara. Walaupun pandemik Covid-19 telah memberi impak negatif kepada pelbagai sektor ekonomi, manfaatnya telah dapat dirasai oleh sektor pertanian. Ini kerana, Malaysia telah muncul sebagai pengeluar utama sarung tangan getah dunia, dengan eksport berjumlah RM35.9 bilion (Anon, 2021a).

Pandemik Covid-19 juga telah membuka mata Malaysia untuk menilai semula kepentingan sektor pertanian kepada negara. Penekanan kepada jaminan kestabilan bekalan makanan adalah perlu, terutamanya bagi item pertanian Kadar Sara Diri (SSR) yang mempunyai kebergantungan import yang tinggi. Menurut Jabatan Perangkaan Negara, Malaysia mengimport RM55.5 bilion produk makanan dalam tahun 2020 (Anon, 2021b). Misalnya, Malaysia sangat bergantung kepada import daging lembu (RM2.2 bilion), daging kambing (RM879.4 juta), mangga (RM87.9 juta), dan kelapa (RM266.1 juta) bagi memenuhi penggunaan domestik. Selain itu juga, Malaysia mengimport bawang besar, bawang kecil, ubi kentang, produk tenusu, kopi, tepung gandum, teh, dan minyak masak.

Umum mengetahui bahawa sektor pertanian sangat bergantung kepada penglibatan pekerja asing. Ahmad Fadhullah (2021) melaporkan bahawa kebergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor pertanian mencecah sehingga 70 peratus.

Justeru itu, penglibatan golongan belia dilihat sebagai paling sesuai untuk memodenkan atau

‘meremajakan’ sektor pertanian dan perlu ditingkatkan. Menurut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), penglibatan belia adalah bertepatan dengan misi negara bagi mengurangkan pengangguran, mengatasi masalah kemiskinan, serta meningkatkan bekalan makanan dalam negara (Anon, 2021c). Golongan belia lebih cenderung untuk menerokai teknologi pertanian moden seperti internet benda (IoT), pertanian persis dan pertanian pintar. Selain itu, penggunaan seperti dron, sensor, robotik, dan telefon pintar menjadi mekanisme penting bagi meningkatkan proses pengeluaran dan mempercepatkan operasi pengedaran produk pertanian. Ini secara tidak langsung menjadikan sektor pertanian sumber pendapatan lumayan. Sektor pertanian dilihat sebagai salah satu solusi bagi mengurangkan kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia yang dilihat meningkat dengan ketara berikutan kesan pandemik Covid-19 (Nor Arlinda, 2020).

Namun, seperti yang diketahui, pertanian tergolong dalam lingkungan pekerjaan yang dikategorikan sebagai 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Ini menambahkan lagi rasa kurang minat golongan belia untuk berkecimpung dalam sektor pertanian. MAFI juga melaporkan, daripada 14.6 juta belia di Malaysia, hanya 15 peratus yang terlibat dalam sektor pertanian. Tambahan lagi, hanya empat peratus mahasiswa universiti yang mempertimbangkan kerjaya mereka dalam sektor ini.

Stigma sektor pertanian adalah sektor yang mundur dan tidak menarik haruslah diperbetulkan supaya golongan belia lebih berminat untuk terlibat sama dalam usaha memajukan sektor ini ke tahap

yang lebih tinggi. Kajian ini dilihat bertepatan pada masanya, di mana objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia terhadap sektor pertanian, serta (ii) melihat strategi yang bersesuaian bagi memupuk minat belia terhadap sektor ini.

## KAJIAN LEPAS

### Faktor-faktor mempengaruhi kecenderungan belia terhadap sektor pertanian

Daripada sorotan literatur yang pelbagai, penyelidik akan membincangkan faktor-faktor dari segi faktor keluarga, minat, dan upah.

Menurut Yahya dan Asadul Khair (2010), pengaruh keluarga sering kali mempengaruhi kerjaya golongan belia. Sebagai contoh, jika seorang bapa berkecimpung dalam bidang pertanian, maka tidak mustahil salah seorang daripada anaknya akan mengikut jejak langkah beliau menceburi bidang yang sama. Namun, dalam kes yang berasingan, terdapat juga segelintir ibu bapa yang mahukan anak mereka memilih kerjaya yang lebih stabil dan tidak mengikut jejak langkah mereka yang menjadi petani, pesawah, peladang atau nelayan. Situasi ini sedikit sebanyak mencerminkan bagaimana ibu bapa mempengaruhi pemikiran anak-anak mereka dalam pemilihan kerjaya seseorang individu itu. Kajian ini disokong oleh Khairul Syafiq dan Salina (2018) yang berpendapat pemilihan kerjaya golongan belia dalam lingkungan 19 hingga 23 tahun masih dipengaruhi oleh ahli keluarga. Hal ini disebabkan oleh faktor umur dan keupayaan mereka yang masih belum matang untuk membuat

keputusan sendiri. Maka, jelas di sini menunjukkan bahawa keputusan untuk melibatkan diri samada dalam sektor pertanian atau sektor ekonomi yang lain sedikit sebanyak dipengaruhi oleh pendapat ahli keluarga.

Minat dan kerjaya adalah saling melengkapi. Hal ini turut diakui oleh Yahya dan Asadul Khair (2010) yang membincangkan antara faktor yang mempengaruhi seseorang individu itu dalam memilih kerjaya adalah minat yang mendalam dalam sesuatu bidang itu. Kajian oleh *Khazanah Research Institute* (KRI) mendapati golongan muda yang terlibat dalam bidang pertanian juga berminat dalam bidang keusahawanan (Anon, 2020). Atas dasar meminati bidang pertanian dan keusahawanan, mereka bukan sahaja dilihat sebagai peladang, penternak atau nelayan, tetapi dilihat sebagai seorang usahawan kerana turut memasarkan dan menjual produk pertanian mereka sendiri. Tambahan lagi, sektor pertanian haruslah dimodenisasikan bagi menarik minat golongan belia ini. Sebagai contoh, petani yang mengamalkan konsep pertanian moden, kini dapat menguruskan ladang bermula daripada penyediaan tanah sehingga proses menuai dengan hanya menggunakan aplikasi di telefon pintar mereka (Anon, 2021d). Golongan muda dilihat akan memilih pertanian sebagai kerjaya apabila pertanian diubahsuaikan mengikut pendekatan yang lebih moden dan terkini, selari dengan minat mereka yang sukakan penggunaan gajet dalam sesuatu pekerjaan.

Seseorang individu itu akan lebih berminat melakukan sesuatu pekerjaan jika diberikan upah atau gaji yang setimpal dengan klasifikasi pekerjaannya. Oleh itu, gaji yang rendah secara tidak langsung akan memupuskan minat golongan belia untuk menceburi sektor pertanian.

JADUAL 2. Penengah dan Purata Gaji Mengikut Sektor di Malaysia

Sektor/ Tahun	2019		2020	
	Median (Penengah)	Min (Purata)	Median (Penengah)	Min (Purata)
Perlombongan	RM3,968	RM6,154	RM3,402	RM5,064
Perkhidmatan	RM2,672	RM3,426	RM2,268	RM3,103
Perindustrian	RM1,967	RM2,616	RM1,908	RM2,542
Pembinaan	RM2,169	RM2,854	RM1,856	RM2,557
Pertanian	RM1,531	RM1,997	RM1,291	RM1,598

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021)

Jika dilihat dari Jadual 2, didapati penengah dan purata gaji bulanan pekerja sektor pertanian adalah yang paling rendah jika hendak dibandingkan dengan sektor-sektor lain. Tambahan lagi, purata gaji dan upah sektor pertanian menurun berbanding tahun sebelumnya. Ini sekali gus menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang paling tidak menarik minat golongan belia untuk menceburinya. Bagaimanapun, ada beberapa kes petani yang dapat dijadikan sebagai contoh (*role model*) kerana berjaya meraih pendapatan yang tinggi hasil dari bidang pertanian (Anon, 2021e; Anon 2021f; Roslinda, 2020).

Natijahnya, pelbagai strategi dirangka dalam bahagian seterusnya dengan menyemai faktor-faktor yang telah dibahaskan bagi mencari jalan untuk memupuk minat belia terhadap sektor pertanian.

#### Strategi bagi memupuk minat belia terhadap sektor pertanian

Bahagian ini akan membincangkan beberapa strategi yang dapat memupuk minat belia terhadap sektor pertanian, seperti menggabungkan pertanian dan keusahawanan, menganjurkan kursus dan latihan, dan

mempergiatkan peranan media sosial bagi memasarkan maklumat tentang sektor pertanian.

Slogan “Pertanian adalah Perniagaan” adalah antara slogan yang sering diwar-warkan oleh kerajaan untuk menarik minat masyarakat menceburi sektor pertanian. Shamshubaridah dan Madeline (2009) telah membincangkan hubungan antara pertanian dan keusahawanan. Hubungan pertanian dan keusahawanan dilihat memberi makna yang mendalam dalam menerapkan konsep pertanian moden, bertujuan untuk meningkatkan pendapatan. Seperti yang pernah dibincangkan sebelum ini, petani tidak harus bergantung kepada keadaan harga pasaran yang tidak menentu. Petani perlu kreatif dan berinovasi dalam mencari peluang memperoleh pendapatan tambahan. Hasilnya, apabila pertanian dan keusahawanan digabungkan, maka lahirlah usahawan-tani yang bersifat holistik dan lebih berdaya saing dalam usaha membangunkan sektor pertanian. Usahawan-tani dikaitkan dengan memiliki kemahiran dan sentiasa berusaha mencari kaedah untuk mencipta dan membangunkan perniagaan ladang yang menguntungkan (Shamshubaridah dan Madeline, 2009). Jadual 3 dibawah adalah antara bukti beberapa usahawan-tani yang berjaya.

JADUAL 3. Contoh usahawan-tani yang berjaya di Malaysia.

Contoh 1 (Anon, 2021c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohd Saifullah – graduan Universiti Malaysia Sabah.</li> <li>• Berhenti sebagai Pengurus kedai telekomunikasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</li> <li>• Menanam pokok lada solok bermodalkan RM4,000.</li> <li>• Kini mencuba menanam pokok terung dan pokok lada burung.</li> <li>• Memasarkan hasil tanaman secara atas talian.</li> <li>• Meraih pendapatan sehingga RM10,000 sebulan.</li> </ul>
Contoh 2 (Anon, 2021f)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Raihana Ayub – mengusahakan ladang tanaman maman di Negeri Sembilan.</li> <li>• Kini memiliki lebih 80 batas tanaman dan menjana pendapatan ribuan ringgi sebulan. Turut menggajikan dua pekerja bagi membantu menguruskan ladangnya.</li> <li>• Mendapat bantuan daripada Jabatan Pertanian Negeri.</li> <li>• Kini turut mempunyai sebuah ladang sayur kangkong dan sawi, dan berhasrat membuka sebuah lagi ladang maman ekoran permintaan yang tinggi.</li> <li>• Menggunakan media sosial bagi memasarkan produknya.</li> </ul>
Contoh 3 (Roslinda, 2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mat Farhan Mohamad – yang mengusahakan Farhan Ventures di Perlis.</li> <li>• Memilih pertanian sebagai sumber pendapatan serta membantu mengukuhkan sumber makanan negara.</li> <li>• Mengusahakan tanaman jagung, tembikai, penternakan ikan tilapia, ayam kampung, kambing serta madu lebah.</li> </ul>

(Sumber: Sinar Harian, 2021; Harian Metro, 2021; dan Roslinda, 2020)

Lanjutan daripada strategi yang telah dibincangkan, Maisarah dan Sarmila (2017) mencadangkan strategi agar kerajaan dan pihak berkepentingan meningkatkan lagi usaha dalam penganjuran kursus, latihan dan bengkel mengenai keusahawanan dari masa ke semasa khususnya kepada belia, pelajar universiti dan graduan. Hal ini bertujuan untuk mengasah bakat dan meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam bidang pertanian kerana sifat seseorang usahawan tidak lahir begitu sahaja, sebaliknya mereka perlu dilatih dan diterapkan dengan pelbagai kemahiran dalam bidang keusahawanan. MAFI telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda (PAM), yang diwujudkan di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, 2021). Objektif program adalah untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda yang berumur sekitar 18 hingga 40 tahun dalam bidang sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan, serta agropelancongan. MAFI bekerjasama dengan TEKUN Nasional dan Agrobank dalam menyediakan pakej pembiayaan bernilai dari RM20,000 sehingga RM200,000 bagi PAM (Anon, 2020). Hikmah pandemik Covid-19 telah melihat jumlah peningkatan generasi muda yang meminati dan menceburi bidang pertanian. Dilaporkan, seramai 1,159 usahawan tani muda menerima geran di bawah program PAM pada tahun 2020, berbanding 764 pada tahun 2019 (Anon, 2021d).

Media sosial merupakan sebuah platform yang signifikan dalam memberi input dan menyebarkan sesuatu maklumat dalam masa yang singkat. Di samping itu juga, media sosial dijadikan pentas hubungan dua hala yang mewujudkan sesi interaktif di kalangan usahawan-tani dan pengguna. Sebagai contoh, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menggalakkan ramai pekebun durian memasarkan durian mereka menggunakan media sosial bagi merencanakan lagi aktiviti pemasaran terutamanya ketika kemuncak musim durian (Mohd Rafi, 2021). Pekebun durian digalakkan menggunakan *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* sebagai medium baharu untuk memasarkan durian, walaupun ketika negara sedang berdepan dengan tempoh PKP. Selain itu juga, MAFI telah menyediakan satu platform digital yang mempromosikan hasil pertanian melalui Program Pengukuhan Pasaran Online dan berjaya meraih jualan sebanyak RM63.84 juta (Eva Natasha, 2021). FAMA juga membangunkan *eFAMAPlace@Shopee* bagi memasarkan produk agromakanan. Media sosial

mempunyai pengaruh yang besar dalam mendorong minat belia menceburi sektor pertanian.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Pendekatan secara kuantitatif dilaksanakan dengan menggunakan data primer. Pengkaji memperoleh data primer melalui edaran soal selidik. Borang soal selidik diedarkan secara atas talian menerusi *Google Form* kerana wujud kekangan untuk mendapatkan responden secara bersemuka ekoran pelaksanaan PKP menyebabkan pergerakan menjadi terhad.

Borang soal selidik mengandungi tiga bahagian; (i) bahagian A adalah mengenai sosio-demografi responden, (ii) bahagian B adalah untuk mengetahui tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia terhadap sektor pertanian, dan (iii) bahagian C adalah mengenai strategi. Soalan terdiri daripada soalan terbuka dan berskala Likert. Skala Likert merupakan indeks pengukuran yang sering digunakan untuk melihat tahap persetujuan responden berdasarkan setiap pernyataan yang diberi (Malhotra et al., 2017).

Seramai 150 orang responden yang terdiri daripada golongan belia berumur di antara 15 hingga 30 tahun telah dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah persampelan yang digunakan oleh pengkaji adalah persampelan rawak mudah, dimana semua responden mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Persampelan rawak mudah merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan sampel bagi mewakili populasi.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 4 menunjukkan profil responden. Daripada 150 jumlah responden, 62% adalah perempuan dan 38% adalah lelaki. Responden terdiri daripada Melayu (84.7%), Cina (7.3%), India (6.0%) dan lain-lain (2%). Sebanyak 65.3% responden berkelulusan Ijazah Sarjanamuda dan 26.7% responden memiliki diploma. Bagi jenis penempatan, 41.3% responden tinggal di bandar manakala 58.7% di luar bandar. Responden diperoleh secara rawak, termasuk golongan yang bekerja dan penganggur, dan ianya bukan hanya terdiri daripada pelajar atau mahasiswa sahaja. Jadual 5 menunjukkan analisis kekerapan tarikan utama bagi belia untuk menceburi bidang pertanian.

JADUAL 4. Profil responden

Item		n	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	57	38.0
	Perempuan	93	62.0
Bangsa	Melayu	127	84.7
	Cina	11	7.3
	India	9	6.0
	Lain-lain	3	2.0
Tahap pendidikan	Skolah menengah	11	7.3
	Diploma	40	26.7
	Ijazah Sarjanamuda	98	65.3
	Ijazah Sarjana/PhD	1	0.7
Jenis penempatan	Bandar	62	41.3
	Luar bandar	88	58.7

N = 150 (Sumber: Kaji selidik, 2021)

JADUAL 5. Tarikan utama belia menceburi bidang pertanian

Tarikan utama	n	Peratus (%)
Tingkat upah	48	32.0
Minat	28	18.7
Peluang pekerjaan yang luas	21	14.0
Modal	18	12.0
Kempen kesedaran	11	7.3
Kemajuan teknologi	8	5.3
Keluarga	5	3.3
Pendidikan dan latihan	4	2.7
Lain-lain	4	2.7
N	150	100.00

(Sumber: Kaji selidik, 2021)

Seramai 48 responden daripada 150 orang (32.0%) memilih prospek tingkat upah sebagai tarikan utama bagi mereka untuk menceburi sektor pertanian. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Yahya dan Asadul Khair (2010) yang menyatakan bahawa seseorang individu itu dipengaruhi oleh tingkat upah atau gaji dalam pemilihan pekerjaan mereka. Hasil analisis turut mendapati 20 responden (18.7%)

menyatakan bahawa minat juga menjadi salah satu tarikan untuk menceburi bidang pertanian. Dapatan ini disokong oleh Anon (2020) dan Anon (2021d), di mana minat antara faktor penting dalam pemilihan kerja profesion masa depan seseorang.

Jadual 6 adalah dapatan analisis min bagi soalan berkenaan faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia terhadap sektor pertanian.

JADUAL 6. Faktor kecenderungan belia terhadap sektor pertanian

Item	Min	Sisihan piawai
Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan sektor pertanian perlu memberikan pendedahan yang lebih luas mengenai kepentingan menjalankan aktiviti pertanian.	3.75	0.448
Penglibatan diri dalam bidang pertanian memerlukan minat dan kemahiran.	3.70	0.488
Pendidikan dalam pertanian mampu menjadikan seseorang itu berjaya dalam sektor pertanian.	3.59	0.570
Latar belakang keluarga merupakan salah satu elemen penting dalam mempengaruhi penglibatan belia dalam sektor pertanian.	3.30	0.721
Kadar upah/gaji yang diterima dalam sektor pertanian ini berbaloi dengan kerja yang dilakukan.	2.92	0.855
Sektor pertanian merupakan sektor pekerjaan yang dipandang rendah oleh masyarakat di Malaysia kerana dikategorikan sebagai pekerja yang hanya memerlukan kelulusan akademik yang rendah.	2.85	1.203

di mana 1 adalah "Sangat tidak setuju" dan 4 adalah "Sangat setuju"  
(Sumber: Kaji selidik, 2021)

Skor min tertinggi (3.75) membawa maksud sebahagian besar responden bersetuju bahawa pihak kerajaan serta agensi berkaitan perlu lebih giat dalam memberikan pendedahan berkaitan kepentingan menceburi aktiviti pertanian kepada masyarakat. Dapatan ini bertepatan dengan Maisarah dan Sarmila (2017) yang bersetuju bahawa kerajaan dan pihak berkepentingan berperanan dalam usaha menawarkan kursus-kursus berkaitan pertanian dan keusahawanan agar masyarakat didedahkan dengan sektor pertanian. Responden sekali lagi mengutarakan faktor minat (min = 3.70) antara faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia terhadap sektor pertanian. Di samping itu juga, pengaruh keluarga (min = 3.30) dilihat antara faktor mempengaruhi kecenderungan belia menceburi bidang

pertanian. Faktor pengaruh keluarga adalah selari dengan dapatan oleh Yahya dan Asadul Khair (2010), dan Khairul Syafiq dan Salina (2018).

Nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi item-item di dalam Jadual 6 adalah 0.371. Walaupun nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha ini adalah rendah, menurut Hair et al. (2010), nilai pekali ini agak boleh dipercayai. Nilai pekali yang rendah ini berkemungkinan kerana bilangan item yang ditanya di dalam soal selidik mengenai faktor kecenderungan belia terhadap sektor pertanian terlalu sedikit.

Berdasarkan Jadual 7, terdapat 28.7% responden memilih kempen sebagai strategi utama untuk menarik minat belia terhadap sektor pertanian. Dapatan

ini adalah selari dengan kajian oleh Eva Natasha (2021) dan Mohd Rafi (2021), dimana kempen dilihat sebagai salah satu strategi yang berjaya menarik minat belia menceburi bidang pertanian. Selain menarik golongan muda menyertai bidang pertanian, kempen secara

tidak langsung dapat menyedarkan masyarakat betapa pentingnya sektor pertanian kepada ekonomi negara, meningkatkan bekalan makanan negara di samping memberi pulangan yang baik kepada pengusahanya.

JADUAL 7. Strategi untuk menarik minat belia menceburi bidang pertanian

Strategi	n	Peratus (%)
Kempen	43	28.7
Modal/ bantuan kerajaan	41	27.3
Pendidikan dan latihan	23	15.3
Upah	19	12.7
Peluang pekerjaan/ pasaran	12	8.0
Aplikasi teknologi	7	4.7
Lain-lain	5	3.3
N	150	100.00

(Sumber: Kaji selidik, 2021)

Strategi-strategi lain termasuk modal/ bantuan kerajaan (27.3%), pendidikan dan latihan (15.3%), upah (12.7%) dan peluang pekerjaan/ pasaran (8%).

Merujuk Jadual 8, didapati lebih dari separuh responden (64.0%) memilih media sosial sebagai medium untuk menjalankan kempen pertanian.

Dapatan ini sekali lagi adalah selari dengan dapatan Eva Natasha (2021) dan Mohd Rafi (2021) dimana kempen seperti promosi jualan produk pertanian serta maklumat berkenaan aktiviti penanaman, perladangan, penternakan dan perikanan banyak disalurkan melalui platform digital.

JADUAL 8. Medium untuk menjalankan kempen pertanian

Strategi	n	Peratus (%)
Media sosial	96	64.0
Kempen/ pameran/ ekspo di sekolah dan IPT	37	24.7
Media massa	13	8.7
Kempen di kawasan perumahan dan luar bandar	4	2.7
N	150	100.00

(Sumber: Kaji selidik, 2021)

Jadual 9 menggambarkan analisis min berkaitan strategi bagi memupuk minat belia terhadap sektor pertanian. Responden bersetuju bahawa penglibatan belia dalam sektor pertanian dipengaruhi oleh pemberian modal dengan min tertinggi sebanyak

3.66. Dapatan ini selaras dengan strategi MAFI yang bekerjasama dengan TEKUN Nasional dan Agrobank dalam menyediakan pakej pembiayaan kepada belia yang berminat menceburi bidang pertanian (Anon, 2020).

JADUAL 9. Strategi bagi memupuk minat belia terhadap sektor pertanian

Item	Min	Sisihan piawai
Pemberian modal dan kewangan akan mempengaruhi penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian.	3.66	0.541
Penerapan teknologi yang tinggi akan menarik minat belia untuk menceburi sektor pertanian.	3.66	0.541
Sekolah dan institusi pengajian tinggi yang melibatkan silibus pertanian berupaya melentur minat belia.	3.64	0.534
Penganjuran kempen oleh agensi berkaitan mampu mendorong dan memupuk minat belia untuk menyertai sektor pertanian.	3.60	0.505
Pertanian secara komersial di Malaysia mampu meningkatkan penglibatan belia dalam sektor pertanian.	3.59	0.493

di mana 1 adalah "Sangat tidak setuju" dan 4 adalah "Sangat setuju"  
(Sumber: Kaji selidik, 2021)

Dengan nilai min yang sama (3.66), responden juga bersetuju bahawa belia akan berminat untuk menceburi sektor pertanian dengan penerapan teknologi yang tinggi. Dapatan ini selari dengan Nor Arlinda (2020) yang berpendapat, teknologi adalah antara strategi penting bagi "meremajakan" sektor pertanian. Ini adalah kerana, golongan belialah yang lebih cenderung menerokai teknologi-teknologi baharu yang boleh digunapakai dalam membangunkan konsep pertanian moden bagi merencanakan lagi sektor pertanian negara.

Nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi item-item di dalam Jadual 9 adalah 0.840. Menurut Hair et al. (2010), nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha melebihi 0.8 adalah sangat boleh dipercayai. Ini bermakna, item-item di dalam Jadual 9 mempunyai korelasi yang tinggi antara satu sama lain.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan responden memilih

tingkat upah sebagai faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan mereka terhadap sektor pertanian. Hal ini kerana, upah adalah satu bentuk monetari yang penting pada masa kini dengan keadaan ekonomi yang agak merudum dan ditambah pula dengan keadaan negara yang masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Bagi meneruskan kelangsungan hidup di kala kos hidup yang semakin meningkat dan kuasa beli yang semakin rendah, upah yang tinggi sangat penting dalam keadaan masyarakat berdepan dengan penguncupan ekonomi. Upah dilihat sebagai tarikan belia untuk menceburi bidang pertanian seperti yang telah dibincangkan oleh kajian terdahulu (Yahya dan Asadul Khair, 2010; Richards and Rickard, 2020). Kempen di media sosial pula dilihat sebagai strategi yang berkesan dan efektif dalam menarik minat belia terhadap sektor pertanian.

Hasil kajian dijangka memberi rujukan dan penanda aras kepada pelbagai pihak yang berkepentingan seperti MAFI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Sumber Manusia. Kementerian terbabit disarankan

untuk mengembelikan tenaga dan kerjasama untuk membantu dan merealisasikan usaha kerajaan dalam memperkemas, menambahbaik dan “meremajakan” sektor pertanian di Malaysia. Di kala pandemik Covid-19 yang belum berakhir ini, sektor pertanian perlu diangkat sebagai sektor yang mampu memenuhi keperluan makanan rakyat. Sekiranya berlaku darurat, negara masih mempunyai bekalan makanan yang mencukupi. Jika tiada langkah efektif yang diambil sekarang, generasi muda pada masa akan datang akan secara berterusan meminggirkan sektor pertanian. Belia di zaman milenial inilah yang harus dipertanggungjawabkan bagi memartabatkan sektor pertanian.

#### RUJUKAN

- Ahmad Fadhlullah Adnan. 2021. Pembinaan, pertanian guna 70 peratus pekerja asing. Utusan Malaysia. 25 Oktober. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/10/pembinaan-pertanian-guna-70-peratus-pekerja-asing/>
- Anon. 2020. Golongan muda dalam bidang pertanian minat keusahawanan. *Sinar Harian*. 13 Mei. <https://www.sinarharian.com.my/article/83419/BERITA/Nasional/Golongan-muda-dalam-bidang-pertanian-minat-keusahawanan>
- Anon. 2021a. Sektor pertanian kedua terpenting tahun lalu. *MalaysiaGazette*. 6 Disember. <https://malaysiagazette.com/2021/12/06/sektor-pertanian-kedua-terpenting-tahun-lalu/>
- Anon. 2021b. Kebergantungan negara terhadap makanan import semakin meningkat. *Berita Harian*. 26 Ogos. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/856377/kebergantungan-negara-terhadap-makanan-import-semakin-meningkat>
- Anon. 2021c. Penglibatan belia penting untuk “remajakan” sektor pertanian. *Harian Metro*. 6 November.
- Anon. 2021d. Pertanian moden tarik minat generasi muda. *Berita Harian*. 14 November. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/11/887233/pertanian-moden-tarik-minat-generasi-muda>
- Anon. 2021e. Dulu ‘pengurus’ kini pengusaha cili, pemuda raih pendapatan lima angka. *Sinar Harian*. 26 September. <https://www.sinarharian.com.my/article/163549/BISNES/Dulu-pengurus-kini-pengusaha-cili-pemuda-raih-pendapatan-lima-angka>
- Anon. 2021f. Pokok mahan jana pendapatan lumayan. *Harian Metro*. 14 Mei. <https://api.hmetro.com.my/agro/2021/05/705801/pokok-mahan-jana-pendapatan-lumayan>
- Eva Natasha Sadali. 2021. Jualan produk pertanian dalam talian raih RM63.84 juta. *Harakahdaily*. 13 October. <https://harakahdaily.net/index.php/2021/10/13/jualan-produk-pertanian-dalam-talian-raih-rm63-84-juta/>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., and Anderson, R. E. 2010. *Multivariate Data Analysis*. Seventh Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021. Indikator Pertanian Terpilih, Malaysia. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2021/11%20Nov/INDIKATOR%20PERTANIAN%20TERPILIH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/11%20Nov/INDIKATOR%20PERTANIAN%20TERPILIH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021. Laporan Survei Gaji & Upah 2020. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=157&bul\\_id=VDRDc0pGZHpEwMDNFWHVHSnpkdz09&menu\\_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlbnRlDk1UT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=157&bul_id=VDRDc0pGZHpEwMDNFWHVHSnpkdz09&menu_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlbnRlDk1UT09)
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. 2022. *Program Agropreneur Muda*. <https://www.mafi.gov.my/agropreneur-muda>
- Khairul Syafiq Jalalludin dan Salina Mohammed Rashid. 2018. Pengaruh faktor persekitaran terhadap pemilihan kerjaya dalam kalangan mahasiswa di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS. *Proceeding of the 5<sup>th</sup> International Conference on Management and Muamalah (ICoMM 2018)*.
- Maisarah Che Ahmad dan Sarmila Md Sum. 2017. Belia dan keusahawanan tani: Kajian faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan belia sebagai usahawan tani di Pasir Puteh, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, Jilid 1(1).
- Malhotra, N. K., Nunan, D., and Birks, D. F. 2017. *Marketing Research: An Applied Approach* (5<sup>th</sup> Edition). Pearson.
- Mohd Rafi Mamat. 2021. FAMA galak jual durian guna media sosial. *Berita Harian*. 27 Jun. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832547/fama-galak-jual-durian-guna-media-sosial>
- Nor Arlinda Mohamed Khalid. 2020. Pertanian pintar mampu atasi pengangguran belia. *Berita Harian*. 23 Julai. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/07/713933/pertanian-pintar-mampu-atasi-pengangguran-belia>
- Richards, T. J., dan Rickard, B. 2020. Covid-19 impact on fruit and vegetable markets. *Canadian Journal of Agricultural Economics*. Vol. 68, Issue 2.
- Roslinda Hashim. 2020. Jana pendapatan dengan bertani ketika pasca Covid-19. *Sinar Harian*. 4 Jun. <https://www.sinarharian.com.my/article/86320/EDISI/Utara/Jana-pendapatan-dengan-bertani-ketika-pasca-Covid-19>
- Shamshubaridah Ramlee dan Madeline Berma. 2009. “Pertanian adalah perniagaan”: Analisis pengurusan kewangan PKS pertanian dan asas tadi. *Prosiding PERKEM IV*, Jilid 2.
- Yahya Buntat dan Asadul Khair Osman. 2010. Faktor-faktor yang mempengaruhi belia Melayu di Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi, Johor memilih sektor pertanian sebagai satu kerjaya. *Fakulti Pendidikan, UTM*. Pp. 1 – 8.

Norshamliza Chamhuri\*, Muhammad Shahidan Wahab, Nuriffah Aqilah Mohd Sofi, Halima Tus Sakdiya Mahrus, Siti Nurazira Junaidi, Nur Nashuha Irdina Salim, Syikin Syafri & Nur Izzah Binti Mohd Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID),  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: [norshamliza@ukm.edu.my](mailto:norshamliza@ukm.edu.my)

Diserahkan: 5 April 2022  
Diterima: 5 April 2022